



SIARAN MEDIA / MEDIA RELEASE

KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA MINISTRY OF FINANCE MALAYSIA

Suria Strategic Energy Resources Sdn Bhd – Satu Skandal RM9.4 Billion Di Mana Pembayaran RM8.3 Billion, iaitu 88% Daripada Nilai Projek, Berdasarkan Timing Milestone Dan Bukannya Kerja Yang Siap Walaupun Hanya 13% Kerja Sahaja Sudah Dilakukan

Suria Strategic Energy Resources Sdn Bhd (SSER) adalah satu anak syarikat dimiliki sepenuhnya oleh Kementerian Kewangan telah ditubuhkan pada 19 Mei 2016 untuk tujuan menjalankan dua projek berasingan iaitu Multi-Product Pipeline (MPP) dan Trans-Sabah Gas Pipeline (TSGP). Kedua-dua projek ini ditelah diluluskan Kabinet pada 27 Julai 2016.

Projek MPP melibatkan pembinaan 600km talian paip petroleum pelbagai produk yang menghubungkan Jitra dengan Melaka dan Port Dickson. Projek ini dianggarkan bernilai **RM5.35 bilion**.* Daripada jumlah ini, RM2.53 bilion dibayar di dalam ringgit manakala yang lain dibayar di dalam matawang negara China CNY4.53 bilion.

Projek TSGP pula melibatkan pembinaan 662km talian paip gas yang menghubungkan Terminal Gas Kimanis dengan Sandakan dan Tawau. Kos projek dianggarkan bernilai **RM4.06 bilion**.* Daripada jumlah ini, RM2.14 bilion dibayar di dalam ringgit manakala yang lain dibayar di dalam matawang negara China CNY3.08 bilion.

Kontrak bagi kedua-dua projek ini yang bernilai **RM9.41 bilion** telah diberikan kepada China Petroleum Pipeline Bureau (CPPB) pada 1 November 2016. Perjanjian-perjanjian yang berkaitan telah ditandatangani oleh Ketua Setiausaha Penbendaharaan Tan Sri Irwan Serigar, yang juga Pengerusi SSER. Beliau telah meletakkan jawatan pada 23 Mei 2018.

SSER telah mendapatkan pinjaman daripada China EXIM Bank yang bersamaan dengan 85% daripada nilai projek seperti yang ditetapkan pada 22 Mac 2017. Mengikut rancangan syarikat, baik 15% akan dibiayai melalui terbitan sukuk. Kedua-dua pinjaman dan sukuk ini dijamin oleh kerajaan persekutuan Malaysia.

Semasa satu taklimat bertarikh 28 Mei 2018, SSER telah melaporkan kepada pegawai-pegawai Penbendaharaan yang projek-projek sudah bermula pada bulan

April 2017 dan ia akan memakan masa 3 tahun untuk siap. Pihak Perbendaharaan juga diberitahu syarikat yang hanya 14.5% kerja bagi MPP dan 11.4% kerja bagi TSGP sudah siap pada akhir bulan Mac 2018, iaitu setahun selepas permulaan projek. Kemajuan kerja yang dilaporkan belum lagi diaudit ataupun disahkan.

Walau bagaimanapun, RM4.71 bilion telah dibayar kepada CPPB untuk projek MPP dan RM3.54 bilion untuk projek TSGP. Ini adalah satu yang memeranjatkan kami di Perbendaharaan. (Lihat jadual pembayaran yang disertakan)

Jumlah sudah dibayar **RM8.25 bilion** merupakan **87.7%** daripada nilai keseluruhan projek. Ini perlu dibandingkan dengan purata kemajuan kerja 13% di mana projek ini perlu disiapkan dalam masa 2 tahun lagi.

Kami mendapat tahu yang hampir keseluruhan jadual pembayaran bagi kedua-dua kontrak berdasarkan timeline milestone (pencapaian masa) dan bukannya berdasarkan kemajuan kerja yang progressif (progressive work completion milestones). Yang lebih memburukkan lagi, 85% daripada nilai projek-projek ini perlu dibayar pada 1 Mac 2018.

Pembayaran ini belum lagi mengambil kira 2 perjanjian konsultansi yang masing-masing bernilai RM312 juta dan RM213 juta, serta satu perjanjian penyelenggaraan RM476 juta yang diberikan kepada syarikat-syarikat daripada negara China. Ini merupakan tambahan kos sebanyak RM1.0 billion.

Kontrak-kontrak ini telah dirundingkan oleh Jabatan Perdana Menteri tanpa penglibatan Perbendaharaan. Jabatan Peguam Negara juga telah menyatakan kontrak-kontrak ini telah ditandatangani tanpa mengira pelbagai soalan dan red flags yang ditimbulkan oleh pegawai-pegawai perundangan kerajaan persekutuan.

Saya dimaklumkan pegawai Perbendaharaan yang SSER berkait rapat dengan orang yang sama di belakang SRC International, yang sebelum ini merupakan satu anak syarikat 1MDB. Nama penuh SRC sendiri adalah Strategic Resources Corporation, hampir sama dengan SSER. Kontrak-kontrak SSER ini juga telah ditandatangani oleh Tan Sri Irwan pada masa yang sama dengan kontrak Laluan Rel Pantai Timur (East Coast Rail Link) yang juga dibiayai dengan pinjaman daripada China EXIM Bank.

Presiden SSER adalah Dato' Mohammed Azhar bin Osman Khairuddin yang juga ahli lembaga pengarah syarikat. Beliau juga adalah ahli lembaga pengarah bagi Putrajaya Perdana Sdn Bhd, satu syarikat yang mempunyai kaitan langsung dengan En Low Taek Jho.

Berdasarkan transaksi yang mencurigakan ini, saya telah mengarahkan pegawai saya membuat satu laporan kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia

minggu lepas. YAB Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad ditelah diberitahu akan skandal ini.

Tambahan lagi, Kementerian Kewangan sebagai satu-satunya pemilik SSER akan mengambil langkah untuk mengambil alih pejabat syarikat tersebut sementara menunggu siasatan.

Lembaga Pengarah syarikat dan terutamanya Tan Sri Irwan Serigar mesti menyatakan kepada SSER telah menandatangani satu perjanjian yang terlampau berat sebelah yang akhirnya mengugat kepentingan rakyat dan kerajaan Malaysia.

Saya juga ingin menjemput bekas Perdana Menteri yang juga bekas Menteri Kewangan untuk menerangkan mengapa dan bagaimana transaksi-transaksi berkaitan SSER dibenarkan beliau. Dato Seri Najib Razak baru-baru ini aktif di laman Facebooknya.

Akhir sekali jika perlu, kerajaan Malaysia akan mendapatkan bantuan kerajaan China untuk menjejak kembali segala pengaliran tunai di negara China bagi menyiasat kebarangkalian berlakunya pengubahan wang haram.

Sayangi Malaysiaku!

Lim Guan Eng
Kementerian Kewangan
Putrajaya
5 Jun 2018

* Berdasarkan kadar pertukaran terkini

Jadual 1: Jadual pembayaran untuk MPP

Design, procurement and supply contract

Milestone	Date	% of contract price	% of payment (net retention)	Total payment (MYR million)
1	09-May-17	15%	15.00%	420.8
2	30-Oct-17	25%	23.75%	666.3
3	29-Jan-18	25%	23.75%	666.3
4	02-Apr-18	35%	32.50%	911.8
Total				2,665.3

Construction and commissioning contract

Milestone	Date	% of contract price	% of payment (net retention)	Total payment (MYR million)
1	08-May-17	15%	15.00%	120.2
	09-May-17			259.4
2	13-Oct-17	20%	19.00%	173.1
	30-Oct-17			308.5
3	18-Jan-18 29-Jan-18	25%	23.75%	262.1
4		10%	9.50%	
5		10%	9.50%	
6	20-Mar-18	5%	4.00%	101.2
7	-	15%	-	-
Total				2,043.6

Total payments for MPP	4,709.0
-------------------------------	---------

Jadual 2: Jadual pembayaran untuk TSGP

Design, procurement and supply contract

Milestone	Date	% of contract price	% of payment (net retention)	Total payment (MYR million)
1	09-May-17	15%	15.00%	286.1
2	30-Oct-17	25%	23.75%	453.1
3	29-Jan-18	25%	23.75%	453.1
4	02-Apr-18	35%	32.50%	620.1
Total				1,812.4

Construction and commissioning contract

Milestone	Date	% of contract price	% of payment (net retention)	Total payment (MYR million)
1	08-May-17	15%	15.00%	91.4
	09-May-17			230.2
2	13-Oct-17	20%	19.00%	130.1
	30-Oct-17			278
3	18-Jan-18 29-Jan-18	25%	23.75%	205.3
4		10%	9.50%	
5		10%	9.50%	
6	20-Mar-18	5%	4.00%	85.7
7	-	15%	-	-
Total				1,731.1

Total payments for TSGP	3,543.5
--------------------------------	----------------